



**LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI MALAYSIA  
JABATAN PUNGUTAN HASIL,  
TINGKAT 13 KANAN, BLOK 9,  
KOMPLEKS BANGUNAN KERAJAAN,  
JALAN DUTA  
50600 KUALA LUMPUR**

*Telefon : 03-62091000  
Faks: 03 – 62035474  
Laman Web:www.hasil.gov.my*

Ruj. Tuan :  
Ruj. Kami : LHDN.01/45/130/12  
Tarikh : 09 Jun 2011

Pengarah Eksekutif  
Chartered Tax Institute Of Malaysia (CTIM)  
Unit B-13-2, Block B, 13th Floor, Megan Avenue 11  
No. 12, Jalan Yap Kwan Seng  
50450 Kuala Lumpur

Pengarah Eksekutif  
Institut Akauntan Malaysia (MIA)  
Dewan Akauntan No. 2  
Jalan Tun Sambanthan 3, Brickfields  
50470 Kuala Lumpur

Pengarah Eksekutif  
Institut Akauntan Awam Bertauliah Malaysia (MICPA)  
15, Jalan Medan Tuanku  
50300 Kuala Lumpur

Presiden  
Persatuan Akauntan Percukaian Malaysia (MATA)  
Pejabat Sekretariat MATA  
15-2, Jalan Wangsa Setia 1, Wangsa Melawati  
53100 Kuala Lumpur

Presiden  
Persatuan Institut Setiausaha dan Pentadbir Berkanun Syarikat (MAICSA)  
No. 57, The Boulevard, Mid Valley City  
Lingkaran Syed Putra  
59200 Kuala Lumpur

Presiden  
Persatuan Setiausaha Syarikat Malaysia (MACS)  
No. 23A, 1 st Floor  
Jalan SS24/11, Taman Megah  
47301 Petaling Jaya, Selangor

Presiden  
Institute of Cooperative & Management Accountants (ICMA)  
No. 14M, Jalan Zirkon E7, Seksyen 7  
40000 Shah Alam, Selangor

Tuan,

**PENGEMUKAAN BORANG CP204 BAGI SYARIKAT KECIL DAN SEDERHANA (SME)**

Saya dengan hormatnya merujuk perkara di atas.

2. Menurut peruntukan subseksyen 107C(4A) Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967 syarikat bermastautin di Malaysia yang memiliki modal saham berbayar bagi saham biasa yang berjumlah tidak melebihi RM2.5 juta (SME) pada permulaan tempoh asas tidak perlu mengemukakan anggaran cukai bagi syarikat baru untuk dua tahun pertama syarikat beroperasi. Layanan ini tidak terpakai kepada syarikat sebagaimana syarat yang diperuntukkan di perenggan 2A, 2B dan 2C Jadual 1 ACP1967.
3. Bagaimanapun tanpa pemakluman awal syarikat yang layak tersebut, LHDNM tidak dapat mengenalpasti syarikat yang memperolehi pengecualian tersebut apabila:
  - a. mengenakan kenaikan cukai di bawah subseksyen 107C(10) ACP1967.
  - b. mengeluarkan notis tindakan pendakwaan untuk kesalahan di bawah subseksyen 120(1)(f) ACP1967.
4. Bagi mengenalpasti syarikat SME yang layak, borang anggaran cukai (CP204) telah dipinda bertujuan untuk syarikat memaklumkan status 'SME' tanpa memaklumkan amaun anggaran cukai. Pindaan juga dibuat pada pengemukaan borang CP204 secara e-Filing .
5. Pindaan ini berkuatkuasa mulai 3 Mac 2011. Bagaimanapun syarikat SME yang tidak mengemukakan borang CP204 pada tahun pertama diminta untuk mengemukakan borang tersebut bagi tahun kedua jika masih di dalam status 'SME'. Sekiranya kenaikan cukai di bawah subseksyen 107C(10) ACP1967 dikenakan atau notis tindakan pendakwaan untuk kesalahan di bawah subseksyen 120(1)(f) ACP1967 dikeluarkan kerana LHDNM tidak mempunyai status syarikat, kes hendaklah dirujuk kepada Cawangan LHDNM yang mengendalikan fail syarikat tersebut

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**  
**"BERSAMA MEMBANGUN NEGARA"**

Saya yang menurut perintah,



**(PUTEH MARIAH BINTI HARUN)**

Pengarah

Jabatan Pungutan Hasil

b. p. Ketua Pegawai Eksekutif/Ketua Pengarah Hasil Datam Negeri

Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia

- s.k.
1. Timbalan Ketua Pengarah (Operasi)  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia
  2. Pengarah Jabatan / Negeri / Cawangan / Cawangan Siasatan  
Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia